

Headline	Kerjasama UiTM, SPNB tingkat kualiti pembinaan rumah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	43	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	199 cm <sup>2</sup>
Journalist	NULL	AdValue	RM 7,809
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,428



## Kerjasama UiTM, SPNB tingkat kualiti pembinaan rumah

**Shah Alam:** Bagi meningkatkan lagi kualiti pembinaan rumah mampu milik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengadakan kerjasama pintar dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di sini, semalam.

Kerjasama itu bertujuan menggalakkan perkongsian di dalam penyelidikan dan perancangan di samping mengadakan ruang pembelajaran kepada penuntut selain peningkatan teknologi di peringkat reka bentuk secara berterusan dalam menghasilkan produk bermutu tinggi.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Hassan Said berkata, memorandum persefahaman itu juga adalah usaha yang dijalankan kedua-dua pihak dalam menguatkan serta membangunkan bidang akademik, kebudayaan, penyelidikan dan pertukaran kakitangan di antara mereka.

“Di peringkat awal, tumpuan diberikan kepada aspek pembangunan produk di bawah SPNB Mesra Sdn Bhd, anak syarikat SPNB yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M).

“Saya percaya hasil penye-



DR Hassan (dua kiri) bertukar dokumen bersama Dr Abd Latiff (dua kanan) pada majlis MoU di Bangunan Canselori UiTM Shah Alam.

“**Saya percaya hasil penyelidikan secara usaha sama dan berterusan ini akan memberi pulangan kepada kedua-dua pihak**”

*Hassan Said*

lidikan secara usaha sama dan berterusan ini akan memberi pulangan kepada kedua-dua pihak,” katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di sini, semalam.

Hadir sama Pengurus SPNB Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Sementara itu Dr Abd Latiff berkata, UiTM akan membantu dari segi penyelidikan dan kaedah pengurangan kos supaya mewujudkan perumahan kos rendah.

Sebagai contoh katanya, kajian reka bentuk rumah yang sesuai dengan cuaca negara ini perlu diambil kira.

Menurutnya, sehingga kini 86,327 permohonan diterima antara 2002 sehingga 28 Februari lalu dan diharap gabungan kerjasama pintar itu dapat menghasilkan produk lebih berkualiti.